

Anwar persiap diri jadi Perdana Menteri kelapan

BH - 28/2/2019
m/s: 4

Kuala Lumpur: Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim kini giat mendapatkan pandangan dan laporan daripada pelbagai pihak sebagai persiapan untuk menjadi Perdana Menteri kelapan, menggantikan Tun Dr Mahathir Mohamad.

Ahli Parlimen Port Dickson itu turut menegaskan beliau kini lebih kerap bertemu dan berbincang dengan Dr Mahathir mengenai tugas Perdana Menteri bagi memastikan wujud kesinambungan selepas proses peralihan nanti.

“Saya kini mengambil kesempatan mendengar laporan dan pandangan, menemui semua pihak dan mengadakan pertemuan rapi serta kerap dengan Tun Mahathir supaya ada kesinambungan.

Teruskan manifesto PH

“Ada orang salah faham ini (proses peralihan) akan wujud kerajaan baharu. Ini tidak betul.

Ini berasaskan manifesto Pakatan Harapan (PH) yang sekarang diterajui Tun Mahathir. Kita akan teruskan, cuma mungkin pendekatan dan cara sedikit berbeza tapi pada dasarnya sama.

“Perjanjian itu di antara Perdana Menteri atau pemimpin PH.

Ia dibuat sejak Januari tahun lalu, ketika saya masih di penjara,” katanya pada sidang media selepas merasmikan majlis penyampaian Hadiah Sastera Kumpulan Utusan anjuran Utusan Melayu (Malaysia) Berhad di sini, semalam.

Mengulas perjalanan kempen PH bagi pilihan raya kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Semenyih yang berbaki tiga hari lagi, Anwar berkata, ia berjalan baik termasuk jentera kempen PKR yang dipimpin Menteri Besar Selangor, Amiruddin Sa'ari.

Rakyat ingin tahu perbezaan Najib 'dahulu', 'sekarang'

Ketika ditanya kehadiran bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak di Semenyih yang turut mendapat sambutan rakyat, beliau berkata, ia kerana rakyat 'ingin tahu' dan mahu melihat perbezaan Najib yang 'dahulu' dan 'sekarang'.

Berkenaan calon PKR bagi PRK DUN Rantau, Anwar berkata, Biro Politik PKR yang berbincang hari ini menerima senarai nama pemimpin PKR untuk menjadi calon termasuk Timbalan Ketua Cabang PKR Rembau, Dr S Streram yang pencalonannya ditolak Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) pada Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) Mei tahun lalu.

“Kita menerima semua pandangan dalam menentukan siapa bakal menjadi calon termasuk cadangan supaya PKR meletakkan calon wanita bertanding dalam PRK DUN Rantau.

“Kita akan bincang dan selepas diputuskan akan diumumkan mengikut proses biasa perlu diumumkan kepada pimpinan PH,” katanya.